



Rujukan : UKM PDF/224/3

Tarikh : 12 Februari 2016

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 2/2016

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGURNAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN KERAJAAN NEGERI,
PERSEKUTUAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN (UNTUK PERKHIDMATAN AWAM)**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 12/2015 bertarikh 3 Disember 2015.

2. Sehubungan dengan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) dipelawa mencalonkan nama yang sesuai untuk dipertimbangkan Universiti bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran (Perkhidmatan Awam).
3. Bersama-sama ini, disertakan Garis Panduan Pencalonan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran sebagai rujukan PTJ (**Lampiran A**). Melalui Mesyuarat Pengurusan masing-masing, setiap PTJ wajib mengemukakan sekurang-kurangnya satu (1) atau lebih calon staf akademik, dan satu (1) atau lebih calon bagi Pengurusan & Profesional atau Staf Pelaksana dengan menggunakan borang yang disediakan (**Lampiran B**).
4. Senarai calon oleh PTJ mestilah **bersih daripada sebarang rekod tindakan disiplin dan tatatertib** dan dikemukakan kepada Timbalan Pengarah, Bahagian Sumber Manusia sebelum atau pada **5 Mac 2016**. Hanya calon yang diperakukan oleh Universiti akan dikemukakan pencalonannya kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk tindakan selanjutnya.
5. Sebarang maklumat lanjut YBhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Norazlin Hassim (Tel: 03-8921 5635 / e-mel: norazlin@ukm.edu.my) atau Puan Radhiah Abd. Rahman (Tel: 03-8921 5931 / e-mel: dhiah@ukm.edu.my).

Segala kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan berbilang terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Salam hormat,

ABD RAZAK HUSIN

Timbalan Pengarah Kanan

(Menanggung tugas Pengarah Eksekutif Pentadbiran)

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Garis Panduan
Tata Cara Pemilihan Calon Untuk Dipertimbangkan Pengurniaan
Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran Negeri-Negeri Dan Wilayah Persekutuan

| Bil. | Proses | Tindakan | Dokumen |
|------|----------------------------|-----------------------------------|---|
| 1. | Mula | | |
| 2. | Hebahan pencalonan | Jabatan Pendaftar | <ul style="list-style-type: none"> • Pekeliling Jabatan Pendaftar • Hebahan ewarga (jika perlu) |
| 3. | Terima pencalonan dari PTJ | PTJ | <ul style="list-style-type: none"> • Borang Pencalonan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran (rujuk Lampiran B) • Keratan Minit Mesyuarat Pengurusan PTJ |
| 4. | Mesyuarat JK Penilaian | Jabatan Pendaftar | <ul style="list-style-type: none"> • Surat lantikan & TOR Jawatankuasa • Kertas kerja & Minit Mesyuarat |
| 5. | Pengesahan dokumen | Jabatan Pendaftar & Canselori | <ul style="list-style-type: none"> • Borang pencalonan |
| 6. | Hantar pencalonan ke KPT | Jabatan Pendaftar | <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen pencalonan • Bukti penghantaran dokumen |
| 7. | Rekod SMK | Jabatan Pendaftar Individu | <ul style="list-style-type: none"> • Rekod SMK & Fail Per calon berjaya • Hebahan ewarga <i>**ianya menjadi tanggungjawab individu kerana mengambilkira kesediaan & sensitiviti individu.</i> |
| 8. | Tamat | | |

**SENARAI SEMAK CALON PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN KERAJAAN NEGERI,
PERSEKUTUAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN (PERKHIDMATAN AWAM)**

Fakulti : _____

| Bil. | Nama Calon & UKM(PER) | Kategori | | | Borang (Lampiran B) | Resume ringkas <i>(jika ada)</i> | Keratan Minit Mesyuarat Pengurusan PTJ |
|------|-----------------------|----------|-----|-----------|------------------------|--|--|
| | | Akademik | P&P | Pelaksana | | | |
| 1 | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | |

**UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PENDAFTAR**

Disemak oleh :

Tarikh :

() Borang lengkap () Borang tidak lengkap. Tindakan :

**Borang Pencalonan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Kebesaran Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Wilayah Persekutuan
(untuk Perkhidmatan Awam) Bagi Tahun 2016**

| Bil | Negeri, Wilayah & Wilayah Persekutuan | Hari Keputeraan | Anugerah Pingat | Syarat Kelayakan Pencalonan | Nama calon & justifikasi pencalonan <i>**Lampirkan resume ringkas menggambarkan sumbangan & kecemerlangan yang menyokong permohonan calon</i> |
|-----|---------------------------------------|-----------------|------------------------------|---|--|
| 1 | Persekutuan | 4 Jun | Panglima Setia Mahkota (PSM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama Turus I, II - Gred Utama Turus III (Kanan) - Umur melebihi 50 tahun - Berkhidmat melebihi 25 tahun - Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan - Membawa gelaran 'TAN SRI' | |
| | | | Panglima Jasa Negara (PJN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama Turus III - Gred Utama / Khas A (Kanan) - Umur melebihi 45 tahun - Berkhidmat melebihi 20 tahun - Dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong - Membawa gelaran 'DATUK' | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <p>Johan Mangku Negara (JMN)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama / Khas A, B - Berumur melebihi 45 tahun - Berkhidmat melebihi 15 tahun - Dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada negara | |
| | | | <p>Johan Setia Mahkota (JSM)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama / Khas C - Gred 54 (Kanan) - Berumur melebihi 45 tahun - Berkhidmat melebihi 15 tahun - Dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada negara | |
| | | | <p>Ahli Mangku Negara (AMN)</p> <p>- Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang memberi jasa-jasa cemerlang. Sumbangan khidmat bakti yang diberikan adalah lebih daripada yang sepatutnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred 53/54 atau Prof. Madya - Gred 45-52 (Kanan) - Umur melebihi 45 tahun - Berkhidmat melebihi 15 tahun <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41-52 - Gred 33-40 (Kanan) - Umur melebihi 40 tahun - Berkhidmat melebihi 10 tahun | |

| | | | | | |
|---|--------|--------|--|---|--|
| 2 | Perlis | 17 Mei | Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (DPMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis - Mempunyai pengaruh yang luas dalam bidang masing-masing dan membawa kebaikan kepada negeri Perlis - Membawa gelaran 'DATO' | |
| | | | Darjah Dato Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang kepada negeri Perlis - Membawa gelaran 'DATO' | |
| | | | Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 48 - Dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada negeri Perlis | |
| | | | Pingat Mahkota Perlis (PMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41 – 44 - Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada negeri Perlis | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 27 sehingga 40 (Kumpulan B) - Dikurniakan kepada mereka yang telah melakukan jasa kebaktian kepada negeri Perlis iaitu selain daripada perbuatan keberanian yang handal dan perbuatan itu ialah jasa dan taat setia kepada jawatannya termasuk bekerja lama dengan menunjukkan kelebihan dan tingkah laku yang boleh diteladani | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|---|-------|------------|---|--|--|
| | | | Pingat Jasa Baik (PJB) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 8 sehingga 26 (Kumpulan C dan D) - Dikurniakan kepada mereka yang telah melakukan jasa kebaktian kepada negeri Perlis | |
| | | | Pingat Perkhidmatan Lama (PPL) | <ul style="list-style-type: none"> - Diberikan kepada mereka Pegawai Kerajaan yang berkhidmat tidak kurang 25 tahun dan mempunyai rekod yang cemerlang semasa ianya berkhidmat dengan Kerajaan | |
| 3 | Kedah | 18 Januari | Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang banyak membuat jasa cemerlang kepada negeri dan negara dengan penuh rasa tanggungjawab dan mempunyai pengaruh yang luas serta bertaraf tinggi. Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan, Darjah ini sesuai bagi anggota di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau yang setaraf dengannya. - Membawa gelaran Dato' | |
| | | | Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (SMS) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat banyak jasa kepada masyarakat dan negara | |
| | | | Setia Mahkota Kedah (SMK) | <ul style="list-style-type: none"> - Kurniaan bagi Darjah ini adalah kepada mereka yang telah berkhidmat dan berjasa kepada negara dan tinggi taraf kedudukannya | |
| | | | Setia Diraja Kedah (SDK) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa kepada negara dalam apa jua lapangan. Bagi Pegawai kerajaan, anugerah ini adalah sesuai bagi anggota didalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau yang setaraf dengannya. | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|--|--|--|---|---|--|
| | | | Bintang Setia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (BMS) | - Dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa kepada negara dalam apa jua lapangan dengan bergiat didalam kerja-kerja sukarela kepada masyarakat | |
| | | | Ahli Mahkota Kedah (AMK) | - Dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa bakti kepada negara dalam apa jua lapangan. Bagi Pegawai kerajaan, Darjah ini adalah sesuai bagi anggota didalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau yang setaraf dengannya. | |
| | | | Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (BCK) | - Dikurniakan sebagai hadiah di atas perkhidmatan cemerlang seseorang itu dimana telah berjasa dan berbakti atas perkhidmatan yang tinggi mutunya. Telah menjalankan tugas berlebihan daripada tugasnya. Bintang ini dikurniakan kepada seseorang yang berpangkat pegawai atau yang setaraf dengannya | |
| | | | Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (PCK) | - Dikurniakan sebagai hadiah di atas perkhidmatan cemerlang seseorang itu dimana telah berjasa dan berbakti atas perkhidmatan yang tinggi mutunya. Telah menjalankan tugas berlebihan daripada tugasnya. Pingat ini dikurniakan kepada Kumpulan Sokongan dan kebawah atau setaraf dengannya | |

| | | | | | |
|---|--------------|----------|--|---|--|
| | | | Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada seseorang yang telah membuat kebaktian dan banyak jasa yang disumbangkan secara sukarela. Ianya dikurniakan kepada mereka yang bukan didalam perkhidmatan kerajaan. Sekiranya seseorang itu dalam perkhidmatan kerajaan, pertimbangan boleh diberikan sekiranya berkecukupan | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada seseorang yang telah menyumbang khidmat dan telah menunjukkan perkhidmatan taat, setia dan berbakti kepada negeri dan negara dalam apa jua lapangan. Pertimbangan juga diberi kepada calon yang berkhidmat didalam perkhidmatan kerajaan | |
| 4 | Pulau Pinang | 11 Julai | Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama B atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai taraf kedudukan yang tinggi - Membawa gelaran DATO' | |
| | | | Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama C atau Gred 54 dan setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai kedudukan yang tinggi - Membawa gelaran DATO' | |

| | | | | | |
|--|--|--|--------------------------------|---|--|
| | | | Darjah Johan Negeri (DJN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada individu yang memperkhidmatan yang gemilang dalam apa jua lapangan | |
| | | | Bintang Cemerlang Negeri (BCN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 52 / 48 atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada penjawat dalam Perkhidmatan Awam yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan cemerlang dan perkhidmatan tersebut telah memberi sumbangan terhadap kemajuan, perkembangan dan keselamatan Negeri | |
| | | | Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 48 / 44 / 41 dan setaraf dengannya - Dikurniakan kepada individu yang menunjukkan jasa-jasa terpuji ataupun menunjukkan kecekapan didalam sestautu lapangan - Memiliki budi pekerti dan adat resam yang baik dan terpuji | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada individu yang telah memberikan khidmat bakti yang bernilai atau berjasa atas telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab | |
| | | | Pingat Jasa Masyarakat (PJM) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada individu yang telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat amnya | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|---|-------|-------------|--|--|--|
| 5 | Johor | 22 November | Pingat Kerana Lama dan Baik Dalam Perkhidmatan (PLP) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan cemerlang dan taat setia kepada Kerajaan Negeri Johor selama tidak kurang daripada 25 tahun - Umur tidak kurang dari 55 tahun - Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan bukti perkhidmatan seperti kenaikan pangkat, menghadiri kursus atau latihan yang diiktiraf, bersih dari tuduhan jenayah, sumbangan sukarela kepada masyarakat | |
| | | | Pingat Ibrahim Sultan Pangkat Ketiga (PIS III) | <ul style="list-style-type: none"> - Berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang 20 tahun dengan baik dan taat. Bukti Perkhidatan hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan - Umur tidak kurang 50 tahun - Tiada tuduhan jenayah atau tindakan tatatertib - Sumbangan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat | |
| 6 | Perak | 27 November | Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Pangkat Tingkatan Tertinggi 'F' - Dikurniakan bagi mereka yang mempunyai kedudukan tinggi yang terkenal kepada perkhidmatan cemerlangnya kepada Negeri ini dalam apa-apa jua lapangan kehidupan - Mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang-bidang tertentu dengan menggunakannya bagi kebaikan Negeri | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|---|----------|----------------|--|---|--|
| | | | Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (DPCM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 - Dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan profesional | |
| | | | Darjah Ahli Mahkota (AMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41 - Dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya dalam kumpulan pengurusan dan profesional yang berkebolehan istimewa - Telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri | |
| | | | Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (ACM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41 - Dikurniakan kepada mereka yang memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negeri dan kepada pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya dalam kumpulan pengurusan dan profesional | |
| 7 | Kelantan | 11-12 November | Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan DPSK atau Al Ibrahimi II | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 ke atas - Dianugerahkan kepada Pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah membuat dan menunjuk taat setia dan membuat perkhidmatan berbakti didalam tugasnya - Membawa gelaran Dato | |
| | | | Bentara Setia Mahkota Kelantan BSK atau Al Ibrahimi IV | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 44-48 - Dianugerahkan kepada Pegawai Tadbir dan kakitangan yang lain daripada Bahagian 1 didalam Tingkatan Tertinggi G - J | |
| | | | Ahli Setia Mahkota Kelantan ASK atau Al Ibrahimi V | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41 - Dianugerahkan kepada Pegawai Tadbir dan kakitangan yang lain daripada Bahagian 1 | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|---|-----------------|------------|---|--|--|
| 8 | Negeri Sembilan | 14 Januari | Darjah Seri Paduka Negeri Sembilan (SPNS) | <ul style="list-style-type: none"> - Turus I, II, III, Gred Utama A, B - Telah dianugerahkan gelaran Dato' - Membawa gelaran Dato' Seri Utama | |
| | | | Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (DSNS) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama B, C - Membawa gelaran Dato' | |
| | | | Darjah Dato' Paduka Tuanku Jaafar (DPTJ) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama C, 54 - Membawa gelaran Dato' | |
| | | | Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54, 52, 48 | |
| | | | Pingat Pekerti Terpilih (PPT) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 52, 48 - Tidak kurang 5 tahun dengan Kerajaan Malaysia atau 2 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan | |
| | | | Pingat Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 44, 41 | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan | |
| | | | Pingat Lama Berkhidmat (PKL) | <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan - Tidak kurang 25 tahun dalam Perkhidmatan Awam | |
| 9 | Melaka | 10 Oktober | Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) | <ul style="list-style-type: none"> - Turus I, II, III - Membawa gelaran 'Datuk Wira' | |
| | | | Darjah Mulia Negeri Melaka (DMSM) | <ul style="list-style-type: none"> - Turus I, II, III, Gred Utama A, B, C - Umur melebihi 40 tahun - Tempoh perkhidmatan tidak kurang 3 tahun di Negeri Melaka - Membawa gelaran 'Datuk' | |
| | | | Darjah Seri Melaka (DSM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 - Umur melebihi 35 tahun - Tempoh perkhidmatan tidak kurang 3 tahun di Negeri Melaka | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|----|------------|----------|---|--|--|
| | | | Bintang Cemerlang Melaka (BCM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 52, 48 - Umur melebihi 35 tahun - Tempoh perkhidmatan tidak kurang 3 tahun di Negeri Melaka | |
| | | | Bintang Khidmat Terpuji (BKT) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 44, 41 - Umur melebihi 35 tahun - Tempoh perkhidmatan tidak kurang 3 tahun di Negeri Melaka | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan | |
| | | | Pingat Khidmat Lama (PKL) | <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan - Tidak kurang 25 tahun dalam Perkhidmatan Awam | |
| 10 | Terengganu | 26 April | Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu (SPMT) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak - Membawa gelaran Dato' | |
| | | | Darjah Dato' Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (DSMZ) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak - Membawa gelaran Dato' | |
| | | | Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu (DPMT) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak - Membawa gelaran Dato' | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|
| | | | Darjah Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (SMZ) | - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak | |
| | | | Darjah Setia Mahkota Terengganu (SMT) | - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak | |
| | | | Darjah Ahli Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (AMZ) | - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak | |
| | | | Darjah Ahli Mahkota Terengganu (AMT) | - Dikurniakan kepada yang telah atau akan selepas ini menyumbangkan perkhidmatan yang berjasa kepada Negeri Terengganu. Orang yang bukan anak watan juga boleh dipertimbangkan yang mana difikirkan layak | |
| | | | Pingat Jasa Cemerlang (PJC) | - Dikurniakan kepada orang yang bertaraf Pegawai Tinggi di dalam Perkhidmatan Awam atau orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat, yang telah melakukan dalam negeri Terengganu suatu peranan yang merupakan perkhidmatan dan kelakuan cemerlang | |

| | | | | | |
|----|--------|------------|--|---|--|
| 11 | Pahang | 24 Oktober | Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) | <ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Kerajaan Gred Utama Sektor Awam (JUSA) A , B , C dan setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang keada negeri Pahang dan seluruh rakyatnya - Membawa gelaran DATO' | |
| | | | Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred JUSA C dan keatas atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada negeri Pahang dan seluruh rakyatnya - Membawa gelaran DATO' | |
| | | | Setia Ahmad Shah Pahang (SAP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 ke atas atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan terpuji dan cemerlang kepada negeri Pahang dan seluruh rakyatnya | |
| | | | Setia Mahkota Pahang (SMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 52 ke atas atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang memberikan perkhidmatan terpuji kepada Negeri | |
| | | | Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 48 ke atas atau setaraf dengannya - Dikurniakan kepada mereka yang berjasa dan melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang atau pun memberikan sumbangan dalam Badan Sukarela ataupun lain-lain kegiatan | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|----|----------|-------------|--|---|--|
| | | | Ahli Mahkota Pahang (AMP) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 41 / 44 - Dikurniakan kepada mereka yang berjasa dan melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang atau pun memberikan sumbangan dalam Badan Sukarela ataupun lain-lain kegiatan | |
| | | | Pingat Khidmat Cemerlang (PKC) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 32 / 27 - Dikurniakan kepada mereka yang berjasa dan melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang atau pun memberikan sumbangan dalam Badan Sukarela ataupun lain-lain kegiatan | |
| | | | Pingat Jasa Kebaktian (PJK) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 1 sehingga 27 - Dikurniakan kepada mereka yang melaksanakan sesuatu perkhidmatan terpuji di Negeri ini selain dari perubatan keberanian dan perkhidmatan ini ditunjukkan oleh kecerdasan dan kesetiaan kepada tugas termasuk kepada perkhidmatan yang lama dan dipenuhi dengan kebolehan yang istimewa, kepujian dan kelakuan terpuji | |
| 12 | Selangor | 11 Disember | Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama Turus III dan ke atas atau setaraf dengannya - Umur melebihi 50 tahun - Dikurniakan kepada orang yang berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta kerajaannya - Membawa geraldan 'Dato' Seri' | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | <p>Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54 dan ke atas atau setaraf dengannya - Umur melebihi 45 tahun - Pengurniaan Darjah Kebesaran ini adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama (SPMS) - Membawa geraldan 'Dato' | |
| | | | <p>Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred 48 atau setaraf dengannya - Umur melebihi 40 tahun - Pengurniaan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS) adalah sama dengan Darjah Kelas Pertama dan Kedua | |
| | | | <p>Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan - Dikurniakan kepada seseorang Pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan sahaja yang sedang atau telah berkhidmat melebihi 7 tahun dengan Kerajaan Negeri dengan cemerlang dan mempunyai kelakuan yang terpuji | |
| | | | <p>Pingat Jasa Kebaktian (PJK)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan - Dikurniakan kepada orang yang telah berjasa kepada Negeri Selangor Darul Ehsan. Ini termasuk perkhidmatan kemasyarakatan yang cemerlang, penghasilan kerja yang cemerlang dan mempunyai pekerti dan sifat-sifat yang terpuji | |
| | | | <p>Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Sokongan - Dikurniakan kepada pegawai kerajaan dalam Kumpulan Sokongan yang sedang atau telah berkhidmat terus menerus sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun dengan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dengan berkelakuan baik dalam perkhidmatannya | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|----|---------|--------------|---|--|--|
| 13 | Sarawak | 12 September | Johan Bintang Kenyalang (JBK) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama C / Khas C - Dikhaskan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya dan membuat jasa cemerlang kepada Negeri Sarawak dalam semua pekerjaan - Mempunyai pengaruh yang kuat dalam lapangan kegiatan yang mana telah dilakukan dengan berkesan demi kebaikan | |
| | | | Ahli Bintang Kenyalang (ABK) | <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Pelaksana - Untuk khidmat dan jasa paling tinggi sesuai dengan taraf mereka | |
| | | | Johan Perkhidmatan Cemerlang (JPC) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikhaskan kepada mereka yang mempunyai khidmat cemerlang dan jasa terhadap negeri Sarawak khususnya di dalam Perkhidmatan Awam | |
| 14 | Sabah | 3 Oktober | Darjah Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) | <ul style="list-style-type: none"> - Turus I, II, III Gred Utama A, B, C - Membawa gelaran Datuk | |
| | | | Darjah Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 54, 52, 48 - Dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah memberikan jasa cemerlang kepada Negeri Sabah dan negara - Umur 40 tahun ke atas - Berkhidmat tidak kurang 20 tahun | |
| | | | Bintang Ahli Darjah Kinabalu (ADK) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 44, 41 - Dikurniakan kepada mereka yang berjasa tinggi kepada Negeri Sabah dan negara dalam apa juga lapangan - Umur 40 tahun ke atas - Berkhidmat tidak kurang 20 tahun | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <p>Bintang Setia Kinabalu (BSK)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa bakti di dalam hal-hal berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Telah menunjukkan jasa kejayaan yang lebih daripada kejayaan biasa ii. Telah memberi perkhidmatan yang tinggi mutunya iii. Telah menjalankan tugas-tugas bahaya dan sukar dengan cemerlang sekali iv. Telah menjalankan tugas-tugas berlebihan daripada tugas-tugasnya - Bagi Pegawai Kerajaan, bintang ini adalah sesuai bagi golongan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai dalam Gred 32 dan 27. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun ii. Di dalam keadaan yang istimewa dan luar biasa, pegawai di dalam Gred 22 dan 17 boleh juga dikurniakan - Umur 40 tahun ke atas | |
| | | | <p>Bintang Kinabalu (BK)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan taat setia dan berbakti kepada negara dalam apa juga lapangan - Kurniaan ini sesuai bagi Pegawai Kerajaan dalam Gred 22 dan 17. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun - Umur 40 tahun ke atas | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|----|---------------------|------------|----------------------------|---|--|
| | | | Sijil Kehormat (SK) | <ul style="list-style-type: none"> - Dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan taat setia dan berbakti kepada Negeri Sabah dan negara dalam apa juga lapangan - Kurniaan ini sesuai bagi Pegawai Kerajaan dalam Gred 14 dan 11. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 25 tahun - Umur 45 tahun ke atas | |
| 15 | Wilayah Persekutuan | 1 Februari | Panglima Jasa Negara (PJN) | <ul style="list-style-type: none"> - Bekas Timbalan Menteri - Timbalan YDP Dewan Negera/Rakyat - Bekas SUPAR - Mufti - Gred Utama Turus III - Gred Utama / Khas A (Kanan) - Umur melebihi 45 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 20 tahun - Darjah Pangkat Pertama kepada Darjah Yang Mulia Jasa Negara ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan - Membawa gelaran 'DATUK' | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|--|--|--|-----------------------------|---|--|
| | | | Panglima Setia Diraja (PSD) | <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong - Tempoh Khidmat 5 tahun - Darjah Pangkat Pertama dalam Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan penuh taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong - Membawa gelaran 'DATUK' | |
| | | | Johan Mangku Negara (JMN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama / Khas A dan B - Umur melebihi 45 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 15 tahun - Darjah Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada negara | |
| | | | Johan Setia Mahkota (JSM) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred Utama / Khas C - Umur melebihi 45 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 15 tahun - Darjah Pangkat Ketiga dalam Darjah Yang Mulia Setia Mahkota ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada Negara | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <p>Johan Setia Diraja (JSD)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong - Tempoh Khidmat 5 tahun - Darjah Pangkat Kedua dalam Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan khidmat dan jasa yang cemerlang serta taat setia yang tinggi kepada institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong | |
| | | | <p>Kesatria Mangu Negara (KMN)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gred 53-54 - Gred 45-52 (Kanan) - Prof. Madya - Umur melebihi 45 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 15 tahun - Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa tinggi kepada Negara dalam apa jua lapangan | |
| | | | <p>Kesatria Setia Diraja (KSD)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong - Tempoh Khidmat 5 tahun - Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah mempersembahkan jasa yang cemerlang kepada institusi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong | |

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG & PINGAT KEBESARAN

| | | | | | |
|--|--|--|------------------------------|---|--|
| | | | Ahli Mangku Negara (AMN) | <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan tugas berkaitan Institusi SPB Yang di-Pertuan Agong - Gred 41-52 - Gred 33-40 (Kanan) - Umur melebihi 40 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 10 tahun - Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa yang cemerlang. Sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan adalah yang lebih daripada yang sepatutnya | |
| | | | Pingat Pangkuan Negara (PPN) | <ul style="list-style-type: none"> - Gred 32 dan ke bawah - Umur melebihi 35 tahun - Tempoh Khidmat melebihi 10 tahun - Pingat ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kecemerlangan dan kesetiaan terhadap perkhidmatan dan Negara dakan apa jua lapangan | |